

Laluan kedua-dua arah ditutup, kesesakan teruk menghala ke Kuala Lumpur

Tanah runtuh di Lebuhraya KL-Karak

BENTONG – Sebahagian laluan di Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak di sini ditutup kepada pengguna ekoran tanah runtuh di Kilometer 52.4 berhampiran Lentang-Bukit Tinggi lewat petang semalam.

Kejadian yang berlaku pada pukul 7.18 malam itu dipercayai berlaku kerana banjir kilat akibat kegiatan pembalakan haram di Hutan Simpan Kekal Lentang yang terletak berdekatan lokasi itu.

Ekoran insiden tersebut, kenderaan tidak dapat bergerak sehingga mengakibatkan kesesakan teruk laluan menghala ke Kuala Lumpur.

Pengendali lebuhraya itu, Anih Berhad dalam satu kenyataan berkata, laluan di kedua-dua arah ditutup sebagai langkah keselamatan dengan keadaan cuaca dilaporkan masih hujan selepas kejadian.

Pengguna dari arah Kuala Lumpur diminta supaya menggunakan jalan alternatif laluan dalam di Bukit Tinggi atau Kawasan Rehat Lentang manakala pengguna dari arah Kuantan boleh menggunakan jalan dalam dari Bentong Timur.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Bentong, Superintendan Mohammad Mansor Mohammad Nor mengesahkan tiada kerosakan membabitkan harta benda dan nyawa dalam kejadian tanah runtuh berkenaan.

Menurutnya, kedua-dua laluan masih belum boleh dilalui dan jentera MTD Prime Sdn. Bhd. sudah tiba di lokasi kejadian kira-kira pukul 8 malam tadi untuk melakukan kerja pembersihan.

“Segala perkembangan akan dimaklumkan,” katanya.

Orang ramai yang ingin mengetahui maklumat lanjut berhubung

laluan itu boleh menghubungi Lembaga Lebuhraya Malaysia di talian 1800-88-7752.

Sementara itu, di Kota Kinabalu, Sabah, Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, pihaknya akan menutup sementara laluan yang terlibat dengan kejadian runtuh.

Fadillah berkata, penutupan sementara lebuhraya itu dibuat berikutan pergerakan tanah dan cerun masih berlaku di kawasan tersebut.

Tegas beliau, laluan tersebut hanya akan dibuka apabila kawasan tersebut disahkan benar-benar selamat untuk dilalui.

“Kerja-kerja pembersihan sedang dilakukan ketika ini dan kita berharap kawasan tersebut dapat dibersihkan seawal pukul 10 pagi esok (hari ini).”

“Kita juga menghantar pasukan pakar forensik Jabatan Kerja Raya ke tempat kejadian bagi menjalankan siasatan lanjut,” katanya pada sidang akhbar selepas menghadiri Majlis Malam Media-Kementerian Kerja Raya di sini semalam.



KEADAAN di lokasi kejadian tanah runtuh di Kilometer 52.4 Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak.



SEBUAH kereta terperangkap dalam kejadian tanah runtuh di Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak.

INFO

Jalan Alternatif

Pengguna dari Pantai Timur-Kuala Lumpur

1. Keluar Plaza Tol Karak, pusing semula ke Karak - Pelangai - Bahau - Seremban - Kuala Lumpur
2. Bentong-Karak - Pelangai - Bahau - Seremban - Kuala Lumpur

Pengguna di Plaza Tol Bentong

1. Pusing semula sebelum Plaza Tol Bentong - Karak - Pelangai - Bahau - Seremban - Kuala Lumpur

Pengguna dari Kuala Lumpur

Pengguna yang sampai Lentang pusing semula di Hentian Rehat Lentang - KL - Seremban - Bahau - Pelangai - Karak - Lebuhraya Pantai Timur 1

Kenderaan dari arah Kuala Lumpur, keluar di Bukit Tinggi atau di Kawasan Rehat Lentang dan gunakan jalan dalam dan pengguna dari arah Kuantan, gunakan jalan dalam dari Bentong Timur